

## Kritikan Feminis dalam Kesusasteraan Timur dan Barat: Satu Perbandingan

YAN MING & FAN QI

### KESEDARAN WANITA TERHADAP DIRI DALAM SASTERA CINA KONTEMPORARI

Memasuki abad ke-20, ketika *Women's Liberation Movement* sedang dibangunkan di seluruh dunia, wanita Cina (terutamanya intelektual wanitanya) mula bangkit dan berjuang untuk hak-hak asas kesetaraan antara lelaki dan wanita. Sehubungan *May 4<sup>th</sup> Movement*, pelbagai akhbar dan majalah telah menerbitkan artikel-artikel membincangkan pembebasan wanita. Isu khas untuk *Ibsen* yang dipaparkan dalam *The New Youth* dan *A Doll's House* telah menjadi popular di seluruh negara. Mereka bersama-sama menentang arus kod etika feudal, maka suara memperjuangkan pembebasan wanita, kesetaraan antara jantina, dan kebebasan untuk kedua-duanya memilih pasangan sendiri dan perkahwinan telah menjadi semakin lantang. Menjauhkan diri daripada mod tradisional pemikiran yang sudah ketinggalan zaman itu, wanita cenderung untuk keluar daripada keluarga tradisional untuk melangkah ke arah masyarakat yang baru lahir itu. Mereka mula menerima pendidikan dari sekolah rendah ke peringkat kolej, dan juga terlibat dalam pergaulan sosial serta aktiviti-aktiviti politik. Ketika semua gerakan ini telah memuncak seperti api, beberapa penulis wanita telah berani muncul di arena sastera. Karya mereka telah membangkitkan kesedaran masyarakat untuk menulis semula sejarah kesusasteraan wanita China.

Dalam *The Fiction Monthly*, yang diterbitkan pada awal 1928, terdapat sebuah novel yang ditulis oleh Ding Ling, *The Diary Lady Sophie*, yang mendedahkan perasaan bercampur baur watak wiranitanya terhadap cinta. Lady Sophie, seorang wanita moden yang sedar dan gagah, bergabung dengan lelaki bukan untuk mencari pasangan yang unggul, tetapi untuk menakluk dan mengalahkan mereka. Dalam fikirannya, lelaki ialah sasaran yang perlu dihina dan diusik.

Dalam kaca matanya, beliau mampu melihat penakut Wei Di, kecanggungan Yun Lin, dan kata-kata kasar lelaki daripada Anhui. Malah Ling Jishi, lelaki yang pernah disayanginya, juga sangat cetek. Ini dapat dilihat dalam huraian yang berikut: "*A slim body, a delicate face, thin*

*little lips, and soft hair*” dan “*The corners of the mouth are scarlet, tender and deeply concave*”. Nampaknya, penulis telah salah mengira huraian watak dengan sengaja menggunakan kriteria yang biasa dipilih lelaki bagi menikmati keangkuhan ‘keindahan lelaki’. Akhirnya, Lady Sophie menakluk Ling Jishi, melihat perwatakannya, dan kemudian tegas meninggalkannya. Berbeza daripada gaya kisah cinta yang biasa, novel itu memberikan ciri kepimpinan kepada wanita, menyatakan rasa tidak puas hati beliau yang telah dirasai wanita Cina selama beribu-ribu tahun, maka mencabar sistem yang berpusatkan lelaki. Hal ini sudah tentu mengganggu masyarakat dewasa itu. Sikap mengejek kewibawaan lelaki dan perasaan memberontak untuk membalas dendam atas penguasaan lelaki yang zalim ialah perwakilan feminisme dalam masyarakat dan kesusasteraan masa itu.

Jika melihat hasil kerja awal Ding Ling yang mencerminkan keberanian wanita untuk mencabar kuasa lelaki tradisional, maka karya sastera Bing Xin harus dianggap sebagai satu lagi contoh yang menunjukkan kebangkitan wanita untuk menguasai badannya dalam aspek yang berbeza. Pada tahun 1920-an dan 1930-an, Bing Xin menerima ‘falsafah cinta’ yang dicipta oleh Tygel, penyair falsafah India, dan mencadangkan rasa tidak bersalah dan kasih sayang seorang ibu sebagai penawar untuk pesimisme dan pelbagai masalah sosial dalam puisi dan novel beliau sendiri. Menurutnya, hanya kasih sayang ibu tidak mementingkan diri sendiri dan kekal abadi: wanita mempunyai rasa kasih sayang semula jadi, sama ada untuk kebahagiaan keluarga atau kemakmuran sosial yang tidak boleh wujud tanpa kasih sayang wanita, dan begitu juga dengan kebebasan wanita yang tidak boleh dicapai jika wanita tidak memainkan peranan itu. Berdasarkan pertimbangan ini, Bing Xin meningkatkan bantahannya terhadap beberapa idea yang radikal dalam *Women’s Liberation Movement*. Sebagai contoh, beliau membenarkan idea-idea kesetaraan antara jantina, kebebasan untuk perkahwinan atas pilihan sendiri, kebebasan individu, dan wanita yang mengambil bahagian dalam hal ehwal kerajaan dan politik. Walau bagaimanapun, beliau melarang slogan yang menggalakkan wanita melupakan niat untuk menjadi seorang isteri yang baik dan ibu yang penyayang, malah melangkah keluar dari keluarga mereka untuk berjuang menentang masyarakat.

Kedua-dua Ding Ling dan Bing Xin adalah penulis wanita yang berbakat dan memberi sumbangan yang besar. Melalui kecenderungan kreativiti mereka yang berbeza, masalah lama dalam teori kritikal kesusasteraan wanita Cina kontemporari dapat dilihat dengan mudah.

Bagi menghancurkan ikatan tradisi, wanita perlu melangkah masuk ke dalam masyarakatnya untuk mencapai kesetaraan jantina, sementara mengekalkan ciri-ciri kewanitaan semasa proses pembebasan - memelihara ciri-ciri penting yang membezakan wanita daripada lelaki. Sehubungan itu, wanita Cina berada dalam dilemanya. Dalam karya-karya awal daripada Ding Ling, diri wanita telah memberi tumpuan kepada pilihan pertama, manakala dalam fikiran Bing Xin, pilihan yang dibuatnya sama ada berdasarkan rasional atau perasaan akan memihak kepada jalan yang terkemudian. Apa-apa sahaja pilihan yang mereka buat itu telah mencerminkan kekusutan wanita Cina yang sedar. Hasil kerja awal Ding Ling ialah manifestasi kuat kebangkitan wanita terhadap peribadinya dalam Gerakan Kebudayaan Baru. Pengaruh feminisme barat telah terbukti sudah berlaku. Daripada hasil kerja Bing Xin telah muncul beberapa kesepaduan antara idea timur dan barat. Rupa-rupanya kesederhanaan daripada ajaran tradisional Konfusianisme masih membawa kesan yang positif. Oleh sebab itu, sebaik sahaja hasil kerja Ding Ling diterbitkan, beliau mendapat tepukan gemuruh daripada pemberontak orang muda. Sebaliknya, penerbitan karya-karya Bing Xin tidak mendapat tindak balas yang hebat di kalangan sastera, walaupun telah mendapat pujian pembaca yang lebih banyak dalam jangka masa yang panjang. Rupa-rupanya, ungkapan identiti wanita dalam hasil kerja Bing Xin itu mempunyai asas psikologi yang lebih kukuh dalam budaya kebangsaan dengan perwakilan masyarakat timur yang jitu dan ideal.

Kedua-dua jenis kekeliruan dalam ciptaan dan kritikan sastera feminis Cina itu masih kekal di kalangan orang sastera hari ini, selain mencerminkan kepentingannya dengan lebih mendalam. Pada awal tahun 80-an, Zhang Xinxin dan Zhang Jie telah menulis beberapa buah buku mengenai nasib wanita moden profesional. Mereka mendapati setelah setengah abad berlangsungnya *Women's Liberation Movement*, walaupun dalam sebuah masyarakat yang lelaki dan wanitanya membuat kerja yang setara, gaji setara dan kedudukan undang-undang sama, wanita di China masih berdepan dengan pilihan antara cinta dan kerja. Buku *On the Same Horizon* telah ditulis untuk menyentuh pasangan muda yang mencintai satu sama lain dan menentang satu sama lain. Wanita moden profesional telah meninggalkan standard wanita tradisional untuk berdiri sama tinggi dengan kaum lelaki melalui usaha mereka sendiri. Tetapi mereka tidak diterima pendapat awam dan juga tidak difahami suami mereka, malah mereka berdepan dengan bahaya kehilangan cinta dan kegembiraan. Watak wiranita (termasuk penulis sendiri) berasa bermasalah dengan

pengaruh ciri-ciri tradisional gender yang telah diterap dalam masyarakat. Namun, beliau masih tidak ada tempat untuk pergi, kerana tidak dapat membentuk cara hidup yang diperlukan untuk hidup sebagai seorang wanita. Buku *Boat* oleh Zhang Jie pula menjelaskan keadaan buruk dalam kehidupan tiga wanita yang sudah bercerai. Mereka semua berjaya dalam kerjaya masing-masing dalam masyarakat hari ini, justeru melihat lelaki dengan mata yang lebih tajam dan kritikal.

Mempunyai kemiripan dengan Bing Xin yang kembali dari feminisme radikal ke kedudukan sederhana Ding Ling, selepas pertengahan 1980-an identiti wanita Cina cenderung kembali kepada sifat keibuan. Wakil penulis wanita itu ialah Anyi Wang, Tie Ning, Lu Xin'er dan Zhan Rong. Citra keibuan, termasuk kasih sayang ibu, telah diangkat tinggi oleh Bing Xin, tetapi tidaklah terhad padanya sahaja.

Penulis wanita kontemporari yang lain telah memberi penghormatan kepada kesucian, tidak lagi mementingkan diri sendiri, kesungguhan dan kebesaran keibuan dalam kehidupan seharian, kualiti yang tidak dapat dipisahkan daripada sifat keibuan.

Wanita moden profesional telah berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam hidup mereka untuk mengubah gaya hidup wanita tradisional, tetapi dalam kehidupan sebenar mereka hampir-hampir tidak dapat mengatasi tembok patriarki.

## MELAMPAUI PERWATAKAN WANITA TRADISIONAL

Dalam tempoh seribu tahun itu sastera Cina telah muncul watak-watak wanita yang tidak terkira banyaknya. Menurut standard moral tradisional, ini boleh dibahagikan kepada dua kumpulan: ortodoks dan bukan-ortodoks. Yang pertama itu merujuk kepada 'wanita' yang berpendidikan tinggi, isteri yang baik dan ibu yang penyayang; dan yang kedua itu merujuk kepada 'wanita' buruk yang menghancurkan keluarga mereka dan merosakkan norma sosial. Pada awal abad ini, di bawah pengaruh barat, Gerakan Kebudayaan Baru yang tercetus di China telah meniadakan standard moral tradisional. Tulisan-tulisan feminis dan kritikan sastera yang baru lahir itu telah kehilangan minat tentang watak-watak wanita tradisional, atau hanya menganggap mereka sebagai sasaran kritikan dan penolakan.

Selepas pembangunan beberapa dekad, pengkritik sastera feminis Cina mendapati watak-watak wanita dalam karya ini telah kembali secara senyap-senyap kepada peranan tradisional. Kebelakangan ini, watak-

watak moden; isteri yang baik dan ibu penyayang kerap muncul dalam novel, filem dan drama. Contohnya, Liu Huifang dalam *Yearning* telah mendapat sambutan baik daripada semua lapisan masyarakat. Sifat yang mulia seperti keelokan, kelembutan, tolak ansur, ketabahan, kebaikan, kesungguhan dan ketekunan telah ditanam dalam watak-watak wanita ini. Mereka yang mengalami tragedi hidup yang disebabkan kerapnya gangguan masyarakat Cina itu menunjukkan kekentalan kuasa keperibadian mereka semasa menghadapi kesusahan hidup. Pilihan yang berterusan daripada pembaca dan penonton Cina ini mempunyai kepentingan budaya yang bermakna. Ia mengingatkan kita bahawa sastera dan kritikan feminis tidak boleh mengabaikan kehendak dan perasaan rakyat. Kebebasan wanita pada akhirnya mestilah selaras dengan kebebasan lelaki. Kesetaraan antara lelaki dan wanita tidak mengeneipkan pembahagian kerja atau menghilangkan perbezaan antara lelaki dan wanita.

Dalam kesusasteraan wanita Taiwan dan Hong Kong, kecenderungan untuk kembali kepada tradisi dan kemudiannya mencari cara untuk mengatasinya adalah lebih nyata. Sama seperti di tanah besar, arena sastera di Taiwan pada awal tahun 80-an seiring dengan munculnya kemuncak feminisme. Wakil yang cemerlang ialah Li Ang dengan karya beliau seperti *Kill Husband* dan *Dark Night*. Kedua-dua novel yang menarik ini telah mengungkapkan masalah sosial yang serius, selain menggalakkan wanita untuk melakukan 'pemberontakan seksual' terhadap seksisme. Apa yang berkesan dalam novel Li Ang itu ialah sama ada seksual yang terbatas di bawah kawalan feudalisme atau kebebasan seksual masyarakat moden, wanita dianggap sekadar sebagai objek seks untuk dinikmati, maka tidak memiliki maruah dan keistimewaan seperti kaum lelaki. Apabila novel *Kill Husband* ditayangkan, ia membangkitkan kontroversi besar di Taiwan, kerana tiada sesiapa yang akhirnya boleh memutuskan sama ada ia baik atau buruk. Fenomena ini menunjukkan kuasa dan populariti tradisi dalam kesusasteraan wanita Taiwan. Bagi jangka panjang, kebanyakan watak-watak wanita dalam karya sastera ialah isteri yang baik dan ibu penyayang yang mewarisi nilai kemuliaan timur. Seperti heroin dalam novel Qiong Yao, mereka bertahan dengan tekanan dan kesusahan, di samping mengekalkan kebaikan mereka, menyebabkan lelaki berasa kekok dan menyesal. Adakah dalam model timur ini isteri-isteri yang baik dan kata-kata dan tingkah laku ibu-ibu penyayang dan dihormati akhirnya menggerakkan masyarakat, agar lelaki dan wanita dapat hidup harmoni dan bersama-sama menuju masa depan yang cerah? Hal ini perlu dibuktikan

dengan amalan sosial. Tidak kira apa hasilnya, perubahan watak-watak wanita dalam produk sastera tradisional sebegini yang mempunyai pengaruh besar dan positif dalam pembangunan sosial, dan kesedaran awalnya amatlah dikagumi.

Sementara itu, kritikan kesusasteraan feminis sedunia tetap mencerminkan kebangkitan identiti wanita dan kemakmuran karya ciptaan penulis-penulis wanita kurun ini. Penulisan itu biasanya bersifat kebangsaan, kerana ia berkembang di bawah pengaruh budaya kebangsaan, dan selaras dengan kesusasteraan negara yang berkenaan itu. Namun, asal-usul kritikan sastera di Britain, Perancis dan Amerika Syarikat telah memberi sumbangan yang besar kepada kajian kesusasteraan wanita, tetapi teori kritikal yang khusus ini bukanlah yang betul-betul sesuai dengan sastera feminis timur. Maklumlah teori-teori tersebut bernuansa kebaratan.

Dalamn masa kebelakangan ini, beberapa tokoh yang memperjuangkan feminisme di dunia ketiga itu telah menunjukkan had teori feminis dari barat. Mereka menekankan bahawa keterbatasan ini disebabkan tradisi budaya dan sistem sosial negara-negara membangun. Oleh sebab itu, diperlukan adanya ciri khas penulisan feminis dan kritikan sastera yang berlainan bangsa.

Feminis barat memberi perhatian besar kepada kehidupan seksual, adat resam seksual dan pengaruh ke atas budaya seksual wanita, maka telah muncul tren 'Seksualisme' di barat. Mereka memakai kanta itu untuk memerhatikan keadaan wanita di negara-negara lain. Contohnya, minat yang mendalam dalam kajian feminis barat tertumpu kepada adat yang tertentu, termasuk pembendungan kaki dalam masyarakat tradisional di China, wanita berkhatan, dan kod pakaian yang ketat di Timur Tengah. Mereka menganggap adat ini adalah simbol kedudukan wanita di negara yang berkenaan, maka digambarkan sedemikian dalam karya-karya sastera mereka. Sudah tentu penerangan itu sering kekurangan konteks sejarah yang betul, selain mereka sendiri terkeliru dengan adat resam masa lalu dan realiti masa kini

Mereka akan terus membuat kesimpulan palsu yang dijadikan projek ke atas wanita di negara-negara membangun dengan mengawal pendapat sejagat. Mereka sentiasa bersikap seperti orang yang mempunyai budaya yang lebih tinggi, seolah-olah wanita di negara lain tidak dapat mencapai kemerdekaan dan kehidupan bertamadun tanpa teori feminis mereka. Sikap neo-kolonial mereka ini pasti mudah dikesan, dan menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan feminis negara-negara membangun.

Feminis di Britain dan Perancis juga memberi perhatian besar kepada fungsi sosial 'persaudaraan'. Mereka menggunakannya untuk mengumpulkan wanita daripada setiap golongan masyarakat untuk menentang sistem patriarki.

Hasilnya, banyak organisasi wanita telah muncul di Britain dan Perancis untuk mendirikan benteng demi mengekalkan keistimewaan dan faedah wanita. Banyak karya yang memaparkan persaudaraan ini telah dicipta dalam kesusasteraan feminis - walaupun telah juga timbul kritikan sastera yang membenarkan wanita homoseksual. Menyokong persaudaraan dalam sesebuah negara akan menghasilkan kesan yang mesra dan semula jadi, terutamanya di bidang politik. Feminis barat mempromosikan idea-idea itu atas nama persaudaraan untuk menyeru wanita dari seluruh dunia untuk bersatu dalam perjuangan menentang patriarki. Namun, mereka telah mengabaikan kepentingan politik dan kewangan yang berbeza bagi wanita di negara-negara yang berlainan, yang disebabkan perbezaan bangsa, negara dan kelas, antara sebab-sebab yang lain.

Pergantungan pada persaudaraan yang jauh itu, sebenarnya sukar untuk menyeberangi jurang yang besar dalam kepentingan ekonomi, politik dan budaya yang dihasilkan oleh penjajahan. Bagi wanita di negara membangun, mereka tidak mempunyai cara yang realistik untuk menerima teori seperti itu.

Akhir-akhir ini, lebih ramai lagi tokoh feminis telah menyedari terdapatnya perbezaan tafsiran yang besar dalam pengalaman peribadi, latar belakang budaya dan masalah realistik yang wanita hadapi di negara maju berbanding dengan negara membangun. Jurang ini sering melampaui jurang lelaki-wanita yang disebabkan perbezaan seks. Jurang perbezaan fizikal dan sosial itu bukanlah keseluruhan asas yang membawa kepada keadaan hidup sebenar wanita. Faktor yang lain meliputi hal bangsa, kelas, negara, ciptaan sosial dan budaya. Dalam banyak kes, perbezaan antara kaum, kelas dan budaya akan menghalang secara langsung kehidupan dan kedudukan sosial wanita. Sebenarnya, belum lagi ada teori feminis yang bersepadu yang boleh merangkumi semua aspek ini, atau sebuah organisasi feminis global yang boleh mengintegrasikan pemikiran, ucapan dan tingkah laku wanita. Oleh sebab itu, feminisme (termasuk kritikan sastera feminis) tidak dapat dielakkan akan berkembang ke beberapa arah. Sementara itu, pengalaman dan pendapat wanita di negara membangun serta faktor yang menghalang sejarah, masyarakat dan budaya telah mula menjadi perhatian dan kepentingan.

## KESIMPULAN

Sebagai ahli penting di negara membangun dan wakil utama budaya timur, China mempunyai pengaruh yang semakin ketara ke atas perkembangan dunia kritikan sastera feminis. Berbanding dengan Britain, Amerika Syarikat dan Perancis, kursus kritikan feminis sastera Cina memperlihatkan ciri-ciri yang berikut: -

1. Kritikan feminis sastera Cina mempunyai citra yang kuat ke atas budaya negaranya. Seperti yang dinyatakan di atas, walaupun pengalaman wanita China penuh dengan kesusahan dan penderitaan, karya-karya sastera wanita kontemporarinya pada dasarnya tidak menafikan peranan tradisi isteri yang baik dan ibu yang penyayang. Penulis wanita moden di China menceritakan keadaan sukarnya wanita memasukkan nilai tradisional ke dalam keperibadian watak wirawatnya. Pada masa yang sama, mereka cuba melangkaui keperibadian tradisional dalam setiap aspek dengan cuba mewujudkan watak wanita yang baru dengan mempunyai kedua-dua nilai tradisional dan kesedaran moden. Feminis dalam kritikan sastera di China juga memperlihatkan sikap yang sederhana dalam erti kata tidak menafikan tradisi sejarah dan budaya negaranya, tetapi sentiasa cuba untuk mencari titik yang selaras dengan era baru. Selain itu, mereka cuba menerapkan tradisi kebudayaan yang cemerlang untuk menyegarkan dan membangunkan nilai tradisional wanita di China dengan perwatakan yang halus.

Rasa penerimaan budaya negara itu tidak sahaja dicerminkan dalam kandungan karya sastera wanita, tetapi juga melalui kaedah ekspresif serta tumpuan kritikan feminis dalam kesusasteraan.

Kritikan feminis sastera di China selalu meletakkan nasib wanita dalam budaya keluarga dan masyarakat. Hal ini menunjukkan walaupun kesedaran itu tidak semestinya pada individu (heroin), tetapi kesedaran kolektif itu telah mewakili nasib wanita pada masa dan tempat yang tertentu. Jika dibandingkan dengan Britain, Perancis dan negara-negara lain, sastera feminis di China kurang individualistik, maka lebih kuat dengan rantaian kolektivismenya yang berdasarkan kesepakatan budaya tradisional. Begitu juga dengan kritikan sasteranya. Kritikan feminis sastera di China cenderung untuk menghargai kerja-kerja dari sudut sejarah, pengitlakan kolektif dan pengaruh sosial, maka ia tidaklah feminis Perancis yang meneroka hubungan antara perwatakan dan wacana wanita dari sudut politik badan (*body politics*) wanita dan keinginan-kepuasan.



2. Kritikan feminis sastra di China mempunyai hubungan rapat dengan budaya politiknya, maka menjarakkannya daripada aktiviti yang dianjurkan persatuan wanitanya. Kebangkitan identiti wanita pada era 20-an dan berkemuncakkan dengan penciptaan sastra wanita pada era 80-an itu ada kaitan secara langsung dengan budaya minda yang aktif dan pendapat yang berbeza. Bila masyarakatnya berkembang ke peringkat dengan yang lama diganti dengan yang baru, percanggahan sosial yang paling asas itu mempunyai kecenderungan yang mendalam. Masalah yang paling serius ialah kedudukan wanita dan kehidupannya, wilayah yang paling mudah dimusnahkan kuasa baru bagi membina yang baru. Marx mengenal pasti hal ini dengan berkata:

*“The progress of society can be accurately measured by women’s social position.”* Kritikan feminis sastra di China telah banyak memberi perhatian kepada perkara sosial, fungsi kesusasteraan feminis. Penulis-penulisnya terang-terang mendedahkan pelbagai kesukaran wanita, menuduh dan mengkritik sistem dan budaya patriarki yang didapati telah menindas wanita selama ini. Keadaan ini telah memberi inspirasi kepada wanita untuk bangun dan berjuang menentang penindas mereka. Daripada segi ini, kritikan feminis sastra di China mempunyai kepentingan politik yang jelas, selain semangat perjuangan tidak bergoyang. Ia sentiasa sesuai dengan aktiviti politik yang realistik, malah sebagai *vanguard* gelombang politik. Masalah yang diperkatakan dalam kesusasteraan dan kritikan feminis itu biasanya menarik perhatian seluruh masyarakat, dan penyelesaian bagi melegakan masalah-masalah ini biasanya telah menjadi titik baru dalam pembaharuan sosial.

Namun demikian, setelah kesusasteraan feminis di China berkembang ke tahap yang tertentu, ia cenderung untuk kembali kepada nilai kemuliaan wanita yang terdapat dalam kesusasteraan tradisional. Hal ini mengurangkan kekuatan perjuangan menentang sistem sosial yang ada sekarang di mana androsentrisme masih wujud. Oleh sebab itu, intelektual wanita perlu mengukuhkan kesedaran mereka untuk menjadi pengantara, lebih-lebih lagi mencari jalan keluar dalam kebudayaan. Hasilnya, organisasi politik yang tulen dalam persatuan wanita, tertakluk pada kepimpinan atasan, telah renggang daripada bentuk organisasi yang sepatutnya. Pada saat ini, kritikan feminis sastra di China berbeza daripada yang terdapat di Amerika Syarikat. Pengkritik sastra feminis di Amerika Syarikat gemar menyatakan pendapat peribadi mereka yang unik dengan berdebat dalam kumpulan kecil, manakala pengkritik di China memilih untuk bertindak secara bebas dan secara unilateral (kebanyakan pengkritik dan penulis wanita di China masih tidak mengaku diri mereka

sebagai feminis), walaupun pendapat mereka agaknya serupa. Selain itu, China mempunyai keluasan geografi, ekonomi, budaya, jurang antara selatan dan utara, bandar dan negeri, kawasan pantai timur dan pedalaman barat. Perbezaan kelaziman sosial dan tabiat hidup wanita di tempat yang berlainan amatlah ketara. Pembangunan pelancongan moden dan rangkaian komunikasi itu juga tidak sekata. Persekitaran yang pelbagai ini akan menyebabkan kritikan feminis sastera di China berkembang kepada tahap yang agak rendah bagi wanita di kampung-kampung yang miskin, manakala wanita di kawasan yang sangat maju, terutamanya di bandar-bandar besar dan sederhana, mempunyai kehendak material dan spiritual yang relatif tinggi. Wanita Cina moden berada dalam situasi yang rumit, kepelbagaian yang telahpun dituangkan dalam kesusasteraan dan kritikan feminis.

3. Kita boleh nampak dari dua aspek yang dinyatakan di atas bahawa pembangunan kesusasteraan feminis telah banyak dipengaruhi oleh sistem sosial dan tradisi budaya di China. Keadaan hidup wanita yang pelbagai di China telah memberi kesan kepada kandungan yang berlapis-lapis dan kaedah penulisan dalam kesusasteraan feminis. Antara tahap ini, kita boleh lihat percanggahan dan keharmonian hubungan antara idea-idea budaya tradisional dan pembangunan masyarakat moden. Oleh itu, adalah tidak wajar untuk mengukur kebebasan wanita di China hanya berdasarkan kriteria yang dihasilkan oleh *Women's Liberation Movement* di barat, apatah lagi menilai pencapaian kesusasteraan feminis di China hanya dari sudut pandangan pengkritik sastera feminis barat.

Jalan keluarnya ialah dengan menggabungkan perbandingan sastera dan kritikan sastera feminis untuk membolehkan penerokaan bidang yang baru dalam dua cara. Daripada analisis pandangan kesusasteraan perbandingan kita dapat melihat ciri-ciri kesenian kritikan sastera feminis timur dan barat yang berbeza itu dengan lebih jelas, akhirnya akan memudahkan pemahaman ke atas teori-teori yang berbeza antara keduanya. Analisis dari sudut pembangunan jangka panjang kesusasteraan dunia, sastera feminis Cina berlatarbelakangkan budaya Cina, itu telah mewujudkan sejumlah watak wanita timur, dengan sifat 'kelembutan luaran' tetapi 'kekuatan dalaman'. Sifat kejujuran, ketekunan dan kebaikan itu juga telah menunjukkan faktor-faktor utama manusia yang ideal. Mereka bukanlah bangsawan seperti wanita Perancis kelas atasan, maka mereka tidak ada masa untuk perbualan kosong, dan tidak pula mereka dipolitikkan, dengan itu terhindar daripada revolusi yang ekstrim. Walaupun mereka dipengaruhi nilai-nilai barat, tetapi mereka masih mengekalkan

nilai-nilai timur, meneruskan persahabatan dengan wanita di dunia, melangkah bersama-sama dengan saudara lelaki dan perempuan, dengan sikap yang sederhana. Persoalannya sekarang ialah bagaimanakah masa depan sastera feminis di Cina akan hanya dijawab oleh sejarah. Namun, yang pasti ialah wanita di China dengan tradisi sasteranya yang berusia selama beribu tahun itu tidak akan mengikut jejak langkah orang lain. Sebaliknya, mereka akan maju dengan cara uniknya.

Sumber asal rencana ini adalah karya Yan Ming and Fan Qi dalam bahasa Inggeris dengan judulnya "Eastern and Western feminist literary criticism: a comparison" sudah diterbitkan dalam *Culture Mandala: The Bulletin of the Centre for East-West Cultural and Economic Studies* 3: 2 (1999) yang dipetik daripada <http://epublications.bond.edu.au/cm/vol3/iss2/2>)

Penterjemah: Noraisah bt Yusop, BA  
No. 11 Rumah Rakyat  
Taman Sikamat 1,  
70400 Seremban

Emel: [ashpisces87260@yahoo.com](mailto:ashpisces87260@yahoo.com)

